

18/02/2003

60 pemimpin sahkan kehadiran

KUALA LUMPUR: Seramai 60 ketua negara anggota Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) setakat ini sudah mengesahkan kehadiran menyertai sidang kemuncak itu, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau menyifatkan sambutan negara anggota menjelang sidang kemuncak NAM itu sebagai satu perkembangan yang menggalakkan.

"Kita menganggarkan hampir 100 negara akan menghadiri sidang kemuncak NAM. Sidang kemuncak NAM kali ini dijangka menjadi persidangan terbesar dari segi penyertaan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan Kempen Sejuta Tandatanganan di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru dari segi kehadiran ketua negara di sidang kemuncak NAM bermula Khamis hingga 25 Februari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Syed Hamid yakin, kehadiran pemimpin negara anggota NAM pada sidang kemuncak berkenaan dapat mewujudkan satu rangkaian kerjasama lebih kukuh di kalangan negara anggota pada masa depan.

"Melalui sokongan negara anggota NAM kepada Malaysia sebagai tuan rumah persidangan ini, kita dapat menggariskan masa depan NAM dengan lebih nyata di masa depan. Ini penting dalam menjadikan NAM sebagai pertubuhan yang berupaya memperjuangkan hak dan kepentingan negara membangun selain dari kerjasama Selatan Selatan," katanya.

Mengenai mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dicadangkan diadakan selepas NAM di sini, Syed Hamid menegaskan mesyuarat tidak formal itu dibuat dengan mengambil kira kehadiran pemimpin NAM yang juga anggota OIC yang kebetulan berada di negara ini.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berminat untuk mengadakan perbincangan tidak formal dengan pemimpin NAM yang juga ahli OIC mengenai perkara mutakhir.

"Ini membabitkan penyuburan semula gerakan negara berkecuali melalui NAM dan juga pentingnya pendekatan dalam penyelesaian masalah dunia melalui keamanan dan kedamaian," katanya.

Terdahulu, Syed Hamid yang juga Presiden Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) menerima 51,600 tandatangan pengetua, guru besar dan pelajar sekolah menengah dan rendah di sekitar sini.

Penyerahan tandatangan melalui Kempen Sejuta Tandatanganan Aman Malaysia itu disampaikan Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, Yaacob Wan Ibrahim.

Pada majlis itu juga, Syed Hamid memberi penerangan mengenai kepentingan gerakan keamanan didedahkan kepada rakyat Malaysia, terutama di kalangan generasi muda.